

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 JUNE 2016

Bukti rakyat tolak referendum Dr. Mahathir

Um - 20/6/2016

Oleh AZRAN FITRI RAHIM,
MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
dan ZAAIN ZIN
pengarang@utusan.com

■ KUALA KRAI 19 JUN

KEMENANGAN luar biasa Barisan Nasional (BN) dalam dua pilihan raya kecil (PRK) semalam membuktikan bahawa rakyat menolak referendum yang dibawa oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pembangkang terhadap kepemimpinan negara.

Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak secara sinis meminta Dr. Mahathir berhenti berkempen untuk menjatuhkannya kerana lagi kerap tindakan itu dibuat, BN akan mendapat keuntungan yang lebih besar.

"PRK ini menjadi luar biasa daripada biasa kerana pembangkang khususnya Tun Dr. Mahathir menjadikannya sebagai pungutan suara atau referendum terhadap kepemimpinan saya.

"Dan dia telah kempen secara terbuka supaya pengundi tolak BN tetapi dengan pendekatan berlipat ganda majoriti terhadap BN semakin bertambah beerti apa yang disarankan Tun Dr. Mahathir dan pembangkang ditolak oleh rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kekal Mangsa Banjir di Tapak Maju Ternak, Kampung Staponal, Bukit Jong di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Kerja Raya, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub.

Semalam BN berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Sungai



NAJIB TUN RAZAK melambai tangan ke arah orang ramai dalam majlis penyerahan kunci rumah kekal baharu mangsa banjir di Kampung Staponal Batu Jong, Kuala Krai, Kelantan, semalam. - BERNAMA

Besar dan Kuala Kangsar dengan kejutan apabila memperoleh majoriti lebih besar dalam PRK dua kerusi tersebut yang berlangsung serentak.

Kejayaan mengekalkan kerusi Parlimen Sungai Besar dengan majoriti 9,191 undi dan Kuala Kangsar (6,969 undi) itu nyata cukup signifikan ketika kepemimpinan kerajaan dan parti diuji

dengan pelbagai isu semasa.

Dalam pada itu Najib yang juga Pengerusi BN mengingatkan seluruh jenteranya supaya tidak terburu-buru dengan kemenangan tersebut disebabkan matlamat utama adalah pilihan raya umum.

"Selepas kita terima keputusan, kita perlu memperhalusi dan buat analisa mendalam, peringkat awal kita lihat ada beberapa perkem-

bangan yang memihak dengan jelas kepada BN.

"Saya nak kita jangan terbawa-bawa dengan kemenangan tetapi bawa sikap rendah diri itu mustahak, dekati dan rajin menolong rakyat, kalau kita pegang kepada prinsip ini insya-Allah sokongan kepada BN akan terus meningkat kerana kita tidak ada kecacatan dari segi dasar dan pelaksanaan

kita boleh buat," katanya.

Najib menambah, kemenangan itu juga menunjukkan satu trend rakyat ke arah BN termasuk daripada masyarakat bukan Melayu bermula daripada Pilihan Raya Negeri Sarawak baru-baru ini

Tambahnya, rakyat juga membuktikan mereka mahukan kerajaan yang mampu membawa negara ke peringkat lebih tinggi.